



**MODEL UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2016**  
**022BAHASA MELAYU – PENULISAN**

**September**

1 ¼ jam

**Satu jam lima belas minit**

**Bahagian A**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian:  
**Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
4. *Bagi **Bahagian C**, kamu boleh memilih sama ada menjawab **Soalan 1** atau **Soalan 2**.*

<i>Kegunaan Pemeriksa</i>		
Pemeriksa :		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>

## PANDUAN GURU

### Bahagian A


[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

<b>No. Soalan</b>	: A – Memindahkan Maklumat
<b>Tema</b>	: Keluarga
<b>Jenis Item</b>	: Gambar Berpusat
<b>Aras Soalan</b>	: Sederhana

Gambar di bawah ini menunjukkan aktiviti hujung minggu keluarga Samad.

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut berdasarkan gambar.



#### Cadangan Jawapan

1. Pada hujung minggu, ayah menggunakan mesin rumput untuk memotong rumput yang panjang di halaman rumah.
2. Abang menyapu daun-daun kering yang bertaburan di halaman rumah menggunakan sebatang penyapu.
3. Kakak dan adik duduk bersila untuk bermain congkak sebagai aktiviti hujung minggu mereka.
4. Nenek menghidangkan air untuk datuk yang tekun membaca surat khabar.
5. Ibu membasuh pakaian yang banyak pada hujung minggu lalu menyidainya di ampaian.

## PANDUAN GURU

### Bahagian B

[10 markah]


[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

**No. Soalan** : B – Menulis Ulasan  
**Tema** : Alam Sekitar  
**Jenis Item** : Carta Alir  
**Aras Soalan** : Sederhana

Gambar di bawah ini menunjukkan proses kitar semula.

Tulis ulasan tentang proses kitar semula tersebut dalam bentuk perenggan.

Panjang ulasan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



#### Cadangan Jawapan

Gambar di atas menunjukkan proses kitar semula yang membabitkan bahan yang digunakan setiap hari seperti surat khabar lama, tin aluminium dan botol kaca. Setelah bahan-bahan tersebut digunakan, ia dikumpulkan dan dijual kepada peraih barangan kitar semula untuk dihantar ke pusat pengumpulan.

Proses pengasingan bahan-bahan dilakukan di pusat pengumpulan mengikut jenis-jenis bahan kitar semula iaitu kertas, aluminium dan kaca. Kemudian, bahan-bahan yang telah diasingkan itu dihantar ke kilang untuk dikitar semula. Bahan-bahan yang telah diproses semula telah digunakan untuk kegunaan harian. Kesimpulannya, proses kitar semula dapat mengelakkan daripada pencemaran alam sekitar.

## PANDUAN GURU

### Bahagian C

[25 markah]

[Masa yang dicadangkan: 35 minit]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.

Panjang jawapan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

#### Soalan 1



Gambar di atas menunjukkan suasana penduduk taman bergotong-royong membersihkan kawasan sungai berhampiran tempat kediaman mereka. Mereka bekerja seperti aur dengan tebing.

Berdasarkan gambar tersebut, tulis catatan harian tentang aktiviti gotong-royong tersebut.

Tulis karangan kamu selengkapnya.

## PANDUAN GURU

### Soalan 2

Persatuan Bahasa Malaysia sekolah kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat bersejarah. Ceritakan pengalaman kamu sepanjang mengikuti lawatan itu.

TAJUK : Pengalaman mengikuti lawatan ke Bandaraya Melaka.

S1 – SABTU (星期六)	Pada hari Sabtu yang lalu,
S2 – SAYA/ 我 SEKELUARGA/ 一家 人 SEKOLAH 学校	Persatuan Bahasa Malaysia sekolah saya telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke Bandaraya Melaka. Lawatan ini disertai oleh 40 orang murid dan 4 orang guru pengiring. Tujuannya adalah untuk memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada murid-murid.
S3 – SEBELUM 之前	Sebelum bertolak, kami berkumpul di kantin sekolah. Cikgu Lim selaku ketua rombongan memberikan taklimat keselamatan. Apabila bas yang disewa tiba, kami pun bertolak pada pukul 6.30 pagi.
S4 – SEMASA 当时	Semasa tiba di Bandaraya Melaka, kami melihat ramai pelancong asing. Ada yang bergambar, membeli-belah dan berjalan-jalan. Kami melawat ke Muzium Maritim, Kapal Portugis dan Kota A Famosa. Kami juga mengambil peluang bergambar beramai-ramai di sana.
S5 – SUASANA 情景/ 情况	Suasana di sana sangat meriah di samping jalan raya yang sesak. Bunyi kenderaan dan suara pengunjung serta peniaga kedengaran di mana-mana. Kami menikmati makan tengah hari di sebuah restoran makanan laut. Makanan yang dihidangkan sangat lazat.
S6 – SELEPAS 之后	Selepas menikmati makan tengah hari, kami mengambil peluang untuk berjalan-jalan di gerai-gerai yang menjual barangan cenderamata. Saya membeli beberapa pemegang kunci untuk dihadiahkan kepada ahli keluarga sebagai oleh-oleh. Kemudian, kami bertolak pulang kira-kira pukul 3.30 petang.
S7 – SANGAT 很	Walaupun letih tetapi saya berasa sangat gembira kerana dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman. Saya berharap dapat melawat ke tempat bersejarah yang lain pula.